

ANUGERAH MERDEKA

Tentang Anugerah

Menjelang detik 31 Ogos, segenap lapisan rakyat Malaysia akan bersama-sama merayakan 'Merdeka' dengan pemimpin negara. Namun begitu, keistimewaan 'Merdeka' bukanlah setakat sambutan yang meriah sahaja.

'Merdeka' membawa maksud maruah, keghairahan, semangat dan pengorbanan. Hari yang bersejarah itu membawa kita mengimbuu kembali ciri-ciri dan perwatakan seperti yang ditonjolkan oleh Pejuang Kemerdekaan kita, yang menjadi contoh ikutan yang unggul, dengan semangat kemanusiaan yang tidak pernah luntur.

Semangat kental itulah yang masih segar di hati sanubari rakyat Malaysia pada hari ini. Inilah tokoh-tokoh individu dan badan-badan tertentu yang tugas dan pencapaian mereka meninggalkan kesan yang positif dan besar terhadap Malaysia dan warganegaranya, iaitu generasi baru Pejuang Kemerdekaan.

Untuk itu, Anugerah Merdeka diwujudkan pada 27 Ogos 2007 untuk mengiktiraf dan memberi anugerah kepada individu dan badan yang unggul, yang telah banyak menyumbang ke arah kemajuan negara, lantas menjadi sumber inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk mencapai kecemerlangan. Anugerah yang berprestij ini mengiktiraf usaha serta peranan unggul mereka dalam menghidupkan semangat Merdeka.

"Inilah detik yang paling bersejarah kepada rakyat Malaya kerana menjelang tengah malam akan lahirlah sebuah negara baru - negara yang akan berdiri megah dan merdeka."

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Perdana Menteri Malaysia yang Pertama

Objektif Anugerah Merdeka

Anugerah Merdeka diasaskan pada 27hb Ogos 2007 oleh Pengasasnya, iaitu ExxonMobil, PETRONAS dan Shell. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang telah memberikan sumbangan yang besar terhadap rakyat Malaysia dalam bidang masing-masing.

Anugerah ini dinamakan Anugerah Merdeka untuk memperingati semangat kemerdekaan yang sebenar, yang menjangkau makna yang lebih luas daripada definisi konvensional bagi kedaulatan negara. Makna ini termasuklah kemerdekaan dari segi pemikiran dan juga semangat - antara faktor yang memupuk usaha merealisasikan potensi manusia dan mencapai kecemerlangan. Anugerah Merdeka bertujuan untuk menggalakkan usaha yang melampaui tahap biasa, memperluas zon selesa serta membentuk rangka pemikiran yang baru di kalangan rakyat Malaysia.

Justeru, Anugerah Merdeka meraikan dan mengiktiraf pembebasan minda dan jiwa, keperibadian tinggi serta integriti yang menjadi asas pencapaian yang bermakna dan kreativiti serta visi yang memungkinkan keunggulan.

"Anugerah Merdeka berupa penegasan semula komitmen industri terhadap pembangunan Malaysia yang berterusan. Anugerah ini mengiktiraf kecemerlangan yang dicapai melalui pandangan jauh, disiplin serta ketabahan dan ia membayangkan impian dan aspirasi negara."

Tan Sri Dato' Seri Mohd Hassan Marican
PETRONAS (Ahli Pengasas)
Anugerah Merdeka

“Kami amat berbangga dengan penglibatan kami di negara ini serta peranan yang kami mainkan dalam industri tenaga di Malaysia ... Berbekalkan semangat inilah kami menyokong Anugerah Merdeka yang akan mengiktiraf sumbangan warga Malaysia dan bukan warga Malaysia terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia.”

Mr Liam M Mallon
ExxonMobil (Ahli Pengasas)
Anugerah Merdeka

“Kejayaan yang kita nikmati sekarang adalah berkat pemikiran, impian serta usaha individu-individu tertentu. Sudah tibalah masanya untuk kita mengiktiraf bahawa Malaysia mempunyai beberapa tokoh dalam hampir semua bidang, lantas merintis jalan untuk generasi yang akan datang.”

Dato' Saw Choo Boon
Shell (Ahli Pengasas)
Anugerah Merdeka

Kategori

Anugerah Merdeka akan dianugerahkan setiap tahun kepada individu serta organisasi yang usaha dan pencapaian mereka telah memberi kesan yang bermakna kepada negara dalam kategori berikut:

- Pendidikan dan Komuniti

Penerima Anugerah Merdeka untuk kategori ini akan diiktiraf sebagai calon yang paling layak, yang telah memberikan sumbangan atau perkhidmatan yang bermakna, berterusan serta inovatif dalam bidang pendidikan dan/atau komuniti yang membawa manfaat atau meningkatkan taraf hidup rakyat atau masyarakat Malaysia.

Bidang pendidikan turut merangkumi penyelidikan dalam bidang pendidikan, pendidikan yang memberi manfaat kepada kumpulan yang dipinggirkan atau peningkatan tahap pendidikan untuk sekumpulan masyarakat yang disasarkan.

Ruang lingkup komuniti bukan sahaja meliputi perkhidmatan untuk kepentingan masyarakat dari segi kebajikan, malah termasuk juga bidang seni (contohnya seni visual, seni persembahan, pemuliharaan bentuk seni) atau sukan (contohnya usaha memperluas dan memasyarakatkan sukan kepada masyarakat umum).

- Alam Sekitar

Penerima Anugerah Merdeka untuk kategori ini akan diiktiraf sebagai calon yang paling layak, yang telah memberikan sumbangan yang bermakna dan berterusan (sama ada dalam bidang penyelidikan, pengurusan atau amalan) untuk menyelamatkan, melindungi, memulihkan, memelihara atau mempertingkatkan sumber dan alam sekitar. Maksud sumbangan termasuklah penyelidikan, pembaharuan bandar dan penggunaan teknologi baru untuk menambah baik alam sekitar. Pencapaian yang diiktiraf haruslah untuk usaha yang dijalankan dalam tempoh lima tahun sebelum menerima anugerah.

- Kesihatan, Sains dan Teknologi

Penerima Anugerah Merdeka kategori ini akan diiktiraf sebagai calon yang paling layak, yang telah memberikan sumbangan yang bermakna dan terkini untuk manfaat masyarakat dalam bidang kesihatan, sains atau teknologi termasuklah, antara lain, penyelidikan, sokongan penjagaan kesihatan atau penemuan atau penggunaan teknologi yang inovatif. Pencapaian yang diiktiraf haruslah untuk usaha yang dijalankan dalam tempoh lima tahun sebelum menerima anugerah.

- Pencapaian Ulung Akademik

Anugerah akan juga diberikan kepada calon untuk **PENCAPAIAN ULUNG AKADEMIK** yang mengiktiraf rakyat Malaysia yang telah menunjukkan kecemerlangan dan merit. Calon haruslah dari kalangan pelajar/fellow yang menjalankan atau memainkan peranan utama dalam penyelidikan akademik (sama ada dalam bidang tulin, gunaan atau bidang baru) yang menghasilkan penemuan yang bermakna pada tahap lepasan ijazah di universiti tempatan atau di luar negara. Pencapaian yang diiktiraf haruslah untuk usaha yang dijalankan dalam tempoh lima tahun sebelum menerima anugerah

- Sumbangan Ulung Kepada Rakyat Malaysia

Anugerah seterusnya akan diberikan kepada individu atau organisasi bukan dari Malaysia untuk SUMBANGAN ULUNG KEPADA RAKYAT MALAYSIA yang mengiktiraf calon yang paling layak, yang telah memberikan sumbangan yang cemerlang dan bermakna kepada Malaysia atau kepada rakyat Malaysia yang membawa kepada peningkatan yang bermakna dalam kehidupan atau mutu kehidupan rakyat Malaysia. Pencapaian yang diiktiraf haruslah untuk usaha yang dijalankan dalam tempoh lima tahun sebelum menerima anugerah.

Satu anugerah diberikan untuk setiap lima kategori di atas. Jika pada tahun tertentu dua individu atau organisasi dianggap sama-sama berhak untuk menerima pengiktirafan, maka anugerah akan dikongsi. Penerima Anugerah Merdeka akan dianugerahkan sijil yang ditera, piala dan hadiah wang tunai RM500,000.

Pencalonan Dan Pemilihan

Anugerah Merdeka diberikan berasaskan merit pencapaian individu atau organisasi, tanpa mengira bangsa, agama, jantina atau ideologi. Untuk melayakkan diri sebagai calon, beberapa pertimbangan dari segi kelayakan perlu dipenuhi:

1. Semua kategori Anugerah, kecuali untuk kategori Anugerah Sumbangan Ulung Kepada Rakyat Malaysia, hanyalah terbuka untuk warganegara Malaysia, sama ada yang tinggal di Malaysia atau di luar negara, dan mana-mana institusi atau organisasi di Malaysia.

Kategori Anugerah Sumbangan Ulung Kepada Rakyat Malaysia hanyalah terbuka untuk bukan warganegara Malaysia dan/atau organisasi dari luar Malaysia.

2. Semua calon mestilah yang masih hidup. Pengecualian hanya boleh dibuat apabila kematian calon berlaku selepas keputusan muktamad tentang anugerah dibuat oleh Lembaga Pemegang Amanah.

3. Pencalonan diri sendiri tidak akan diterima atau dipertimbangkan. Hanya calon yang dicadangkan secara bertulis sahaja oleh Pencalon akan dipertimbangkan untuk mana-mana kategori Anugerah. Semua pencalonan mesti disertai dengan dokumen sokongan yang mencukupi untuk membolehkan penilaian yang bermakna dibuat.

4. Kecuali untuk kategori **Anugerah Pendidikan dan Komuniti**, pencapaian yang akan dipertimbangkan mestilah dalam tempoh lima tahun sebelum menerima anugerah. Walau bagaimanapun, pengecualian akan dipertimbangkan untuk tempoh yang lebih pendek, dengan syarat impak atau kesannya begitu bermakna dalam tempoh yang diambil kira untuk anugerah.

Setelah memenuhi kriteria kelayakan, calon perlu melalui proses pencalonan dan pemilihan yang teliti.

Para Pencalon

Seramai 22 individu dilantik oleh Lembaga Pemegang Amanah untuk menjadi Pencalon, yang menganggotai pelbagai Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Pemilihan. Para individu ini adalah bebas daripada Pengasas dan Pemegang Amanah serta boleh dipercayai, cekap dan berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang yang mereka ceburi - yang berperanan memberikan pandangan dan pertimbangan berpandukan pengalaman semasa proses pencalonan dan pemilihan.

Setiap Pencalon akan berkhidmat untuk tempoh tiga tahun.

Penerima Anugerah Merdeka akan secara automatik layak sebagai Pencalon.

Pemilihan Penerima Anugerah

Lembaga Pemegang Amanah akan membuat keputusan tentang penerima setiap kategori Anugerah daripada senarai calon yang dicadangkan. Keputusan Lembaga Pemegang Amanah dianggap muktamad.

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Tan Sri Dato' Seri Mohd Hassan Marican *Pengerusi*

Liam M Mallon

Dato' Saw Choo Boon

Datuk Dr. Rosti Saruwono

Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim